

PETIKAN PERTAMA: Cerpen Anak Merdeka

Hamid memang selalu mendengar ibunya berkata, tapi sayang Hamid tidak pernah percaya apa yang telah diceritakan kepadanya selama ini. Telah banyak yang berbicara tentang Pak Wahab, malah boleh dikatakan semua orang-orang tua di kampungnya tahu akan cerita Pak Wahab.

Walau apapun yang diceritakan oleh orang ramai, Hamid tetap dengan pendiriannya yang keras hati dan tidak sukakan Pak Wahab. Malah perasaan jijik juga terselit dihatinya apabila melihat keadaan Pak Wahab yang pincang kakinya dan mengerutu pula wajahnya itu.

"Apa yang kamu percaya dengan cerita karut tu, lihatlah sendiri, Pak Wahab yang bongkok lagi pincang kakinya itu kamu katakan gagah? Tidak dapat kubayangkan, bagaimana agaknya dia berlawan dengan tentera Jepun dengan keadaannya yang begitu," kata-kata Hamid terhenti disitu. Hassan dan Rashid berasa jelik lalu pergi meninggalkan Hamid seorang diri.

Hassan dan Rashid malas untuk mendengar kata-kata Hamid yang suka memburuk-burukkan Pak Wahab. Mereka ke rumah Pak Wahab.

Hamid berjalan pulang ke rumah lalu terlihat Rashid dan Hassan sedang berbual-bual dengan Pak Wahab di beranda rumah lelaki tua itu. Kemarahan Hamid semakin membara apabila melihat kedua-dua sahabatnya berada di situ.

Pada waktu itu, Pak Wahab yang menjadi sasaran Hamid kelihatannya tenang saja mempersilakan Hamid naik ke rumahnya..

"Kenapa marah sangat kamu dengan Pak Wahab nak?" kata Pak Wahab perlahan sesuai dengan keadaannya yang telah tua itu.

"Mata ini sendiri yang menjadi saksi Pak Wahab. Tangan Pak Wahab tulah yang mencabut parang yang menikam perut ayah," kata Hamid sambil menentang wajah Pak Wahab.

"Tapi bukan aku yang menikamnya..." kata-kata Pak Wahab terputus.

"Janganlah Pak Wahab cuba menipu aku, ibu mungkin dapat Pak Wahab tipu, tapi bukan aku Pak Wahab. Aku tahu, Pak Wahab sebenarnya dengki. Pak Wahab mahu memikat ibu. Dengan kematian ayah, senanglah Pak Wahab mengoda ibu kan," tiba-tiba satu tamparan hinggap dipipi Hamid. Entah bila perempuan setengah abad itu datang, Hamid sendiri tidak menyedarinya.

"Ibu tidak pernah mengajar kau berkata begitu Hamid. Kau tak tahu, banyak jasanya kepada keluarga kita, kau jangan jadi seperti kacang lupakan kulit" terang ibu Hamid.

"Ibu jangan ikut campur, ini urusan lelaki. Hamid tak sangka ibu sanggup menyebelahi leleki pembunuh ini, air jernih yang bergenah dikelopak mata ibu tua itu tiba-tiba meluncur laju menuruni lurah-lurah tua di pipinya.

Satu demi satu anak tangga dituruni oleh pak Wahab. Manakala Rashid dan Hassan sudah sejak tadi menghilang.

"Sudahlah Hamid, sikap kamu yang panas baran dan cepat marah akan memakan diri kamu kelak," Pak Wahab menepuk bahu hamid Pantas sekali Hamid menepisnya.

PETIKAN 1: Cerpen Anak Merdeka

Petikan ini mengandungi lima soalan.

1.	<i>Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang salah.</i>	
(i)	Hamid seorang yang sentiasa mendengar kata ibunya.	/
		/

(ii)	Hamid tidak suka akan Pak Wahab.	
(iii)	Pak Wahab membalas perbuatan Hamid dengan kata-kata yang kesat.	X

[2 markah]

2. Mengapakah Hamid terlalu marah akan Pak Wahab?

- A Pak Wahab ingin menggoda ibu Hamid.
- B Pak Wahab berbual-bual dengan Hassan dan Rashid.
- C Pak Wahab dituduh telah menikam ayah Hamid. (JAWAPAN)**
- D Pak Wahab benci dengan Hamid.

[1 markah]

3. Hamid berasa jijik dengan Pak Wahab kerana keadaan Pak Wahab yang pincang kakinya dan menggerutu pula wajahnya itu.

[2 markah]

4. Lengkapkan rajah di bawah berkaitan dengan cerpen Anak Merdeka.



[2 markah]

5. Nyatakan satu peribahasa yang terdapat dalam cerpen tersebut.

Seperti kacang lupakan kulit

[1 markah]

PETIKAN KEDUA: PETIKAN UMUM

Sememangnya sudah ada pelan komprehensif untuk melahirkan masyarakat yang faham tentang teknologi hijau demi kelangsungan dan kemandirian manusia. Kerajaan telah mewujudkan sistem pengangkutan baharu seperti Sistem Transit Aliran Massa (MRT). Perancangan untuk mewujudkan MRT berasaskan elektrik dapat mengurangkan jejak karbon bagi setiap penduduk terutamanya di bandar besar.

Selain itu, terdapat seruan kepada rakyat agar berbasikal atau berjalan kaki untuk jarak dekat manakala ada sesetengah pihak membuat syor agar mengurangkan atau menghapuskan terus penggunaan kenderaan bermotor. Semua usaha dan cadangan ini dilakukan untuk membawa masyarakat keluar daripada pergantungan yang keterlaluan terhadap sumber tenaga daripada petroleum dan mengurangkan kesan pencemaran karbon dioksida terutamanya daripada asap kenderaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian mendapati bahawa ekzos kereta di seluruh dunia mengeluarkan kira-kira 300 juta tan gas beracun pada setiap tahun

seperti karbon monoksida, nitrogen oksida, hidrokarbon, sulfur dioksida dan partikel padu.

Petikan 2- Petikan umum

1. Nyatakan sistem pengangkutan baharu yang diwujudkan oleh kerajaan?

- A. LRT- Transit Aliran Ringan
- B. MRT - Transit Aliran Massa**
- C. Sistem Bas Berkala
- D. Kereta Elektrik

[1 markah]

2. Cadangan yang dikemukakan agar dapat mengurangkan jejak karbon dioksida bagi setiap penduduk terutamanya di bandar besar adalah berbasikal, berjalan kaki untuk jarak dekat / berjalan kaki dan mengurangkan atau menghapuskan penggunaan kenderaan bermotor.

[1 markah]

3. Nyatakan **BETUL** atau **SALAH** bagi setiap pernyataan berikut.

a)	Semua usaha dan cadangan ini dilakukan untuk mengurangkan kebergantungan yang keterlaluan kepada sumber tenaga petroleum.	BETUL
b)	Langkah dilakukan untuk meningkatkan sumber karbon	SALAH

dioksida terutama daripada asap kenderaan.	
--	--

[2 markah]

4. Lengkapkan jadual berikut dengan jawapan yang tepat.

Jumlah gas beracun yang dikeluarkan oleh ekzos di seluruh dunia	Tempoh masa
<u>300 JUTA TAN GAS BERACUN/300 JUTA TAN</u>	<u>SETIAP TAHUN</u>

[1 markah]

5. Menurut kajian, ekzos kereta mengeluarkan gas beracun berikut:

Gas beracun yang dikeluarkan	
1.	Karbon monoksida
2.	<u>Nitrogen Oksida</u>
3.	<u>Hidro karbon</u>
4.	Sulfur dioksida
5.	Partikel padu

[2 markah]

PETIKAN TIGA : BERITA

KES DUA BERADIK MAUT TERKENA RENJATAN ELEKTRIK

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Tenaga (ST) memandang serius membabitkan insiden kemalangan elektrik yang meragut dua nyawa di Kampung Teras Jernang, Kajang, baru-baru ini. ST dalam kenyataan, berkata berikutan insiden itu pihaknya menjalankan siasatan untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian.

Menurutnya, jika didapati berlaku kecuaiian atau kesalahan oleh mana-mana pihak yang berkenaan, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Bekalan Elektrik, 1990 [Akta 447] dan Peraturan-Peraturan Elektrik, 1994.

"ST menasihati orang ramai agar cakna dengan risiko renjatan elektrik daripada kebocoran arus yang mungkin berlaku di sekitar kediaman.

"Orang ramai perlu memerhatikan persekitaran kediaman dan melaporkan dengan segera kepada pihak utiliti bekalan elektrik sekiranya terdapat kejanggalan pada pemasangan elektrik seperti wayar servis elektrik luka, terjuntai atau menyentuh bumbung rumah," katanya.

ST berkata, sekiranya ingin melakukan pengubahsuaian atau penyenggaraan rumah, beberapa langkah hendaklah dititikberatkan.

"Jangan usik atau mengalihkan mana-mana pemasangan utiliti. Hubungi pihak utiliti bekalan elektrik.

"Lantik kontraktor yang berdaftar dengan ST untuk menjalankan kerja-kerja pendawaian elektrik.

"Lantik orang kompeten yang berdaftar dengan ST untuk membuat pemeriksaan sistem pendawaian elektrik secara berkala dan membuat penggantian sekiranya perlu. Orang ramai boleh meminta Kad Pendaftaran Orang Kompeten (Competent Person Identification Card) daripada orang kompeten untuk mendapatkan maklumat terus berkaitan status kekompetenan," katanya.

Dalam kejadian petang Jumaat lalu, dua beradik, Adam Harish Zamri, 10, dan adiknya, Adam Haziq, 9, yang juga murid Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Baru Bangi, maut selepas terkena renjatan elektrik ketika mandi dalam kolah di luar kediaman mereka. Kejadian dipercayai berpunca daripada kebocoran arus wayar Tenaga Nasional Berhad (TNB).

PETIKAN KETIGA: BERITA

Arahan: Jawab solan-soalan berikut berdasarkan petikan berita yang diperdengarkan.

1. Dimanakah berlakunya insiden kemalangan elektrik yang meragut dua nyawa?

Kampung Teras Jernang, Kajang.

[2 markah]

Tandakan (l) pada jawapan yang betul dan (x) pada jawapan yang salah bagi **Soalan 2**

2. Tindakan undang-undang boleh di ambil di sekiranya didapati berlaku kecuaiian atau kesalahan oleh mana-mana pihak ialah

(i)	Akta Bekalan Elektrik 1994 [Akta 477]	X
(ii)	Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]	/
(iii)	Peraturan-Peraturan Elektrik, 1994	/

Tiga jawapan betul	2 markah
Dua jawapan betul	1 markah
Satu jawapan betul	1 markah

Bulatkan jawapan yang betul bagi **soalan 3**.

3. Berikut langkah-langkah yang perlu diambil sebelum melakukan pengubahsuaian atau penyenggaraan rumah **kecuali**

- A. Hubungi pihak utiliti bekalan elektrik.
- B. Jangan usik atau mengalihkan mana-mana pemasangan utiliti
- C. Lantik orang awam untuk membuat pemeriksaan sistem pendawaian elektrik secara berkala.**
- D. Lantik kontraktor yang berdaftar dengan ST untuk menjalankan kerja-kerja pendawaian elektrik.

- Calon membulatkan 2 jawapan : **tidak diterima**

[1 *markah*]

4. Apakah punca berlakunya kejadian maut tersebut?

Kebocoran arus wayar Tenaga Nasional Berhad (TNB).

[1 *markah*]

5. Risiko renjatan elektrik berpunca daripada :

- A. Sentiasa memerhatikan persekitaran kediaman
- B. Mandi dalam kolah di luar kediaman
- C. Kebocoran arus yang mungkin berlaku di sekitar kediaman**
- D. Pemeriksaan sistem pendawaian elektrik secara berkala

[1 *markah*]

PETIKAN 4 – IKLAN – Demi Masa Hadapan

Keperluan Pengasingan Sisa-Sisa Pepejal Demi Masa Hadapan

Pengasingan sisa pepejal merupakan satu proses ke arah pengurusan sisa pepejal yang lebih mesra alam. Mengikut Seksyen 74, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, orang awam harus melakukan pengasingan sisa pepejal dan kegagalan berbuat demikian, jika disabitkan kesalahan, boleh didenda maksimum RM1000.00. Seksyen 108 (2) (g) pula menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab individu mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula sekaligus mengelakkan lambakan sisa di pusat pelupusan.

Apakah maksud pengasingan sisa pepejal ?

Pengasingan sisa pepejal adalah proses mengasingkan sisa pepejal yang dihasilkan mengikut komposisi sisa pepejal iaitu **KERTAS, PLASTIK dan LAIN – LAIN BAHAN KITAR SEMULA dan SISA BAKI**

Sisa pepejal di rumah perlu diasingkan mengikut komposisi sisa pepejal seperti berikut :

1. **Kertas** – Contohnya, surat khabar , majalah, kertas berwarna, resit, risalah, dan bungkusan pos.
2. **Plastik** – Contohnya, botol minuman ringan, botol air mineral, bekas makanan, bekas sabun cecair mandian dan lain – lain jenis plastik.
3. **Lain-lain** iaitu :-
 - **Kaca/Seramik**
 - **Tin aluminium/besi/logam lain**
 - **Sisa elektrik/barang elektrik kecil**
 - **Bahan fabrik/kasut/getah/kulit**
 - **Sisa berbahaya**
4. **Sisa Dapur** – Contohnya, sisa makanan, lampin pakai buang, tisu kotor dan lain – lain.

Pengasingan Sisa Pepejal dan impak kepada kesihatan awam

Pengasingan sisa pepejal dapat mengurangkan pembiakan nyamuk Aedes yang boleh menyebabkan demam denggi yang berpunca daripada bekas-bekas yang boleh menakung air. Selain itu, dengan pengasingan sisa yang bermula di dapur boleh mengurangkan risiko perebakan penyakit-penyakit seperti leptospirosis, demam denggi dan penyakit yang berpunca daripada persekitaran yang tidak disanitasi.

PETIKAN 4 – IKLAN – Demi Masa Hadapan

Anda diberi masa masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan iklan berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.
Jawab soalan-soalan yang berikutnya berdasarkan petikan rencana yang diperdengarkan

1. *Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan 1.*

Berikut ialah impak pengasingan sisa pepejal kepada kesihatan awam

- i. Mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan demam Denggi
- ii. Mengurangkan risiko demam dan muntah
- iii. Mengurangkan risiko perebakan penyakit-penyakit seperti leptospirosis
- iv. Mengurangkan penyakit yang berpunca daripada persekitaran yang tidak disanitasi

A i, ii dan iii.

B ii, iii dan iv

C i, iii dan iv

D iii dan iv

[1 markah]

2. Pengasingan sisa pepejal merupakan satu proses ke arah pengurusan **sisa pepejal** yang **lebih mesra alam**.

[2 markah]

3. Apakah seksyen yang menyatakan individu bertanggungjawab mengasingkan sisa pepejal ?

A. Seksyen 108 (2) (d)

B. Seksyen 108 (2) (g)

C. Seksyen 106 (2) (g)

D. Seksyen 108 (3) (e)

[1 markah]

4. Nyatakan akta yang boleh disabitkan dengan kesalahan kegagalan pengurusan sisa pepejal.

Akta Pengurusan Sisa Pepejal 2007

[1 markah]

5. *Lengkapkan jadual berikut :*

Contoh Sisa Pepejal	
<i>Kertas</i>	<i>surat khabar, majalah, kertas berwarna, resit, risalah dan bungkusan pos.</i>
<i>Plastik</i>	<i>botol minuman ringan, botol air mineral, bekas makanan dan bekas sabun cecair mandian.</i>

Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan 6.

6. Sisa pepejal di rumah perlu diasingkan mengikut komposisi sisa pepejal seperti berikut :

A. Kertas, plastik, lain-lain, sisa dapur

B. Kertas, besi, plastik, lain-lain

C. Sisa dapur, plastik, air dan tanah

D. Kertas, lain-lain dan plastik

[1 markah]

-SOALAN TAMAT-